

Jadikan China sebagai contoh untuk Malaysia jadi negara maju - Tun Mahathir
Astro Awani
1 April 2019
Firdaus Azil
Wan Syamsul Amly,

SHAH ALAM: Tiada salahnya jika China dijadikan sebagai salah satu negara contoh untuk Malaysia memandang ke hadapan, seterusnya mencapai visi menjadi negara maju, kata Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, pada satu ketika dahulu, China agak ketinggalan di belakang Malaysia, namun kini negara itu berjaya menjadi kuasa dominan di peringkat global, dan kualiti rakyat China seperti rajin berusaha, patut dicontohi rakyat di negara ini.

“Tidak berapa lama dahulu, China merupakan sebuah negara membangun dengan kapasiti yang rendah. Tetapi kerana mereka kerja keras, mereka mahu jadi negara maju, mereka cepat-cepat menguasai kesemua teknologi baharu.

“Mereka dahulu ketinggalan di belakang kita. Tetapi mereka mengejar objektif untuk menjadi negara maju, negara yang kaya. Kita juga boleh berbuat demikian,” katanya ketika sesi soal jawab selepas menyampaikan ucap tama dasar di Konvensyen Kebangkitan Harimau Asia, di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Isnin malam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan seorang hadirin, yang mahu mengetahui sama ada wajar atau tidak China dijadikan contoh kepada Malaysia.

Menjawab lanjut, Tun Mahathir berkata, China kini berkemampuan untuk membina dan menghantar satelit ke angkasa, serta membina jet pejuang sendiri.

“Kita juga mampu melakukan demikian. Dahulu ketika kereta mereka (Chery) cuba dijual di Malaysia, tak laku. Tapi baru-baru ini, Proton bekerjasama dengan sebuah syarikat kenderaan China (Geely). Dan (Proton) X70 akhirnya menjadi lebih baik berbanding kebanyakan kereta buatan Eropah.

“Kita boleh buat, tetapi kita tak mahu buat. Kalau ada culture atau budaya yang betul, kita mampu mengejar..,” katanya lagi.

© 2019 Astro Awani Network Sdn. Bhd.

(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/jadikan-china-sebagai-contoh-untuk-malaysia-jadi-negara-maju-tun-mahathir-202906>